BUDGET 2026

Bersama Menjamin Masa Hadapan Kita Dalam Dunia Yang Telah Berubah











Saudara saudari sekalian,

2026 menandakan tahun pertama perjalanan pembangunan negara pasca-SG60 kita.

Kita memasuki fasa baharu ini di tengah-tengah perubahan sejagat yang hebat.

Keadaan dunia semakin berpecah-belah, dipertikaikan dan berbahaya.

Untuk mengemudi persekitaran ini, kita harus menyegarkan strategi-strategi kita dan memperkukuh kontrak sosial kita.

Kami akan terus mewujudkan pekerjaan yang baik dan meningkatkan mutu kehidupan semua rakyat Singapura.

Kami akan memberikan lebih banyak sokongan dan memperkukuh jaminan untuk keluarga-keluarga, meskipun keadaan tidak menentu berterusan.

Kami akan melabur dalam keupayaan pertahanan dan keselamatan kita, dan meneruskan rancangan jangka panjang untuk membina masa hadapan yang lebih mampan.

Yang paling utama, kami akan memperbaharu dan memperkukuh semangat kesingapuraan – kekal sebagai satu rakyat yang bersatu padu dan berdaya tahan.

Bersama-sama, marilah kita menjamin masa hadapan kita dalam dunia yang telah berubah.



Lawrence Wong
Perdana Menteri
merangkap Menteri Kewangan

Sokongan untuk Anda

Apr 2026 - Mac 2027

Sokongan untuk Rakyat Singapura

Wang Tunai

untuk rakyat Singapura berusia 21 tahun dan ke atas

- **Bayaran Khas Kos Sara Hidup**
  untuk rakyat Singapura dewasa yang layak

  $200 hingga $400

- **Pakej Jaminan**
  untuk semua rakyat Singapura

  $100 hingga $250

- **Skim Baucar GST**
  untuk rakyat Singapura berpendapatan rendah dan pertengahan

  $450 atau $850

Kredit LifeSG Anak

untuk semua anak-anak rakyat Singapura berusia 12 tahun dan ke bawah

$500

Sokongan untuk Keluarga

Baucar CDC

untuk semua keluarga rakyat Singapura

$500

U-Save

untuk keluarga rakyat Singapura yang tinggal di flat HDB

$330 hingga $570

Rebat S&CC

untuk keluarga rakyat Singapura yang tinggal di flat HDB

imbangan 1.5 hingga 3.5 bulan

Nota: Faedah-faedah tertakluk pada kelayakan individu atau sesebuah keluarga.

Sokongan untuk Warga Emas

- **Tokokan CPF**
  untuk rakyat Singapura yang layak berusia 50 tahun dan ke atas dengan baki CPF kurang daripada Jumlah Persaraan Asas semasa

  $500 hingga $1,500

- **MediSave**
  untuk rakyat Singapura yang layak berusia 65 tahun dan ke atas

  $150 hingga $450

- **Wang Tunai**
  untuk rakyat Singapura berusia 21 tahun dan ke atas

  - **Bayaran Khas Kos Sara Hidup**
    untuk rakyat Singapura dewasa yang layak

    $200 hingga $400

  - **Pakej Jaminan**
    untuk semua rakyat Singapura

    $100 hingga $250

  - **Skim Baucar GST**
    untuk rakyat Singapura berpendapatan rendah dan pertengahan

    $450 atau $850



Menyokong Rakyat Singapura & Keluarga yang Mempunyai Anak



Menyokong Semua Rakyat Singapura

- **Bayaran Khas Kos Sara Hidup sebanyak $200 hingga $400** untuk rakyat Singapura dewasa yang layak
- **Baucar CDC bernilai $500** untuk semua keluarga rakyat Singapura
- **U-Save hingga $570** untuk keluarga rakyat Singapura yang layak dan tinggal di flat HDB





Memupuk Anak-anak Kita

- **Kredit LifeSG Anak bernilai $500** untuk semua anak-anak rakyat Singapura berusia 12 tahun dan ke bawah
- Menaikkan had kelayakan pendapatan bulanan keluarga kepada **$15,000** untuk **subsidi prasekolah** dan **$6,500** untuk **subsidi penjagaan pelajar**

Menyokong Warga Emas & Keluarga yang Lebih Memerlukan



Membolehkan Warga Emas untuk Menua dengan Sejahtera

- **Tokokan CPF hingga $1,500** untuk warga emas yang layak
- **Kadar sumbangan CPF** yang lebih tinggi bagi para pekerja lanjut usia berumur atas 55 hingga 65 tahun pada 2027 dengan **Imbangan Peralihan CPF** bagi para majikan
- Menawarkan produk-produk pelaburan kitar hayat kos rendah di bawah **skim pelaburan baharu** untuk anggota CPF





Menyokong Keluarga yang Lebih Memerlukan

- **Pakej Kemajuan ComLink+** yang dipertingkatkan
  - **$500 setiap suku tahun** untuk keluarga-keluarga di dalam inisiatif ComLink+ yang menunjukkan kemajuan dengan para Pelatih Keluarga
  - **Bayaran lebih tinggi** untuk keluarga-keluarga di dalam inisiatif ComLink+ yang layak dengan kadar kehadiran prasekolah konsisten serta pekerjaan stabil

Sokongan untuk Rakyat Singapura

Apr 2026 - Mac 2027



2026

Apr hingga Jun

- **U-Save** [Dipertingkatkan]
  $110 hingga $190 — Apr
- **Rebat S&CC**
  0.5 atau 1 bulan — Apr

Jul hingga Sep

- **U-Save** [Dipertingkatkan]
  $110 hingga $190 — Jul
- **Rebat S&CC**
  0.5 atau 1 bulan — Jul
- **Kredit LifeSG Anak** [Baharu]
  $500 — Jul
- **Wang Tunai** [GSTV]
  $450 atau $850 — Ogos
- **MediSave** [GSTV]
  $150 hingga $450 — Ogos
- **Wang Tunai** [Bayaran Khas COL] [Baharu]
  $200 hingga $400 — Sep

Ketahui faedah-faedah yang anda dan keluarga anda boleh dapat melalui Kalkulator 'Support For You'

go.gov.sg/sfyc2026



Okt hingga Dis

- **U-Save**
  $55 hingga $95 — Okt
- **Rebat S&CC**
  0.5 atau 1 bulan — Okt
- **Tokokan CPF** [Baharu]
  $500 hingga $1,500 — Dis
- **Wang Tunai** [AP]
  $100 hingga $250 — Dis

2021

Jan hingga Mac

- **Baucar CDC** [Baharu]
  $500 — Jan
- **U-Save**
  $55 hingga $95 — Jan
- **Rebat S&CC**
  0.5 bulan — Jan

Nota: Faedah-faedah tertakluk pada kelayakan individu atau sesebuah keluarga.

Memajukan Strategi Ekonomi Kita yang Diperbaharu



Menangani Kos Perniagaan

- **Rebat Cukai Pendapatan Korporat sebanyak 40%** untuk Tahun Taksiran 2026
  - Dihadkan kepada **$30,000** bagi setiap syarikat
  - Faedah minimum sebanyak **$1,500** untuk syarikat-syarikat aktif yang mempunyai sekurang-kurangnya seorang pekerja tempatan pada 2025



Berhubung dalam Dunia yang Telah Berubah

- Mempertingkatkan sokongan bagi syarikat-syarikat tempatan untuk berkembang ke luar negara
  - Kadar sokongan geran lebih tinggi **hingga 70%** bagi SME dan **hingga 50%** bagi syarikat bukan SME
  - Mempertingkatkan geran **Bantuan Kesediaan Pasaran** bagi perusahaan-perusahaan memperkukuh kehadiran di luar negara
  - Mempertingkatkan **Skim Pembiayaan Perusahaan** untuk menaikkan kuantum pinjaman maksimum bagi pinjaman Perdagangan dan Aset Tetap SME



Mengukuhkan Ekosistem Perusahaan Kita

- **$1.5 bilion** ke dalam **Anchor Fund** untuk menyokong penyenaraian awam syarikat-syarikat berpertumbuhan tinggi di Singapura
- **$1.5 bilion** untuk memperluas **Program Pembangunan Ekuiti Pasaran**
- Memperluas skim **Ekuiti SG Syarikat Pemula Niaga** untuk merangsang pelaburan ke dalam syarikat-syarikat pemula teknologi mendalam yang berada pada peringkat awal dan pertumbuhan

Memanfaatkan AI sebagai suatu Kelebihan Strategik



Memacu Transformasi

- Menubuhkan **Majlis Kecerdasan Buatan (AI) Kebangsaan**, dipengerusikan oleh Perdana Menteri, untuk memacu usaha AI negara
- Mengubah sektor utama dengan **Misi Kecerdasan Buatan (AI)** negara



Mempercepat Penggunaan AI

- Melancarkan program **Peneraju Kecerdasan Buatan (AI)** bagi memacu transformasi perniagaan berdaya AI
- Memperluas **Skim Inovasi Perusahaan** untuk perbelanjaan-perbelanjaan AI yang layak
- Memperluas **Geran Meningkatkan Daya Penghasilan** untuk menerapkan lebih banyak huraian berdaya AI



Memperkasakan Pekerja

- Memperluas inisiatif **Pemacu Kemahiran Teknologi** untuk membantu para pekerja membina keupayaan AI yang praktikal
- Membantu rakyat Singapura mencari kursus-kursus AI yang relevan melalui **laman web SkillsFuture yang berwajah baharu**
- Menyediakan **langganan percuma alat-alat AI versi premium selama enam bulan** apabila menyertai kursus-kursus AI tertentu

Membina Tenaga Kerja yang Mahir & Berdaya Tahan



Mempertingkatkan Pekerja Bergaji Rendah

- Menaikkan **Gaji Kelayakan Pekerja Tempatan** kepada **$1,800** mulai Jul 2026
- Melanjutkan dan mempertingkatkan **Skim Kredit Gaji Progresif**
- Mempertingkatkan peringkat asas **Skim Bantuan Kemahiran Daya Kerja**



Memajukan SkillsFuture

- Menggabungkan SkillsFuture Singapura dan Agensi Tenaga Kerja Singapura menjadi sebuah **lembaga berkanun baharu**

Memperkukuh Jaminan bagi Pekerja Pertengahan Kerjaya & Warga Emas

- Memperluas skop **Program Peningkatan SkillsFuture** kepada kursus-kursus yang lebih relevan dengan industri
- Melanjutkan **Kredit Pekerjaan Warga** Emas hingga **2027**



Mengemas Kini Dasar Pekerja Asing

- Menaikkan gaji kelayakan minimum kepada **$6,000** untuk **Pas Pekerjaan** dan **$3,600** untuk **Pas S** mulai 2027
- Melaraskan **levi Permit Kerja** mulai 2028

Memperbaharu & Memperkukuh Semangat Kesingapuraan Kita



Mengeratkan Ikatan Bersama Kita

- Memperkukuh **institusi-institusi kebudayaan dan warisan Singapura**
  - Membuka Taman Warisan Melayu yang diberikan nafas baru
  - Meluaskan jangkauan dan usaha melibatkan rakyat bagi Pusat Kebudayaan Cina Singapura
  - Mempergiat usaha mendampingi masyarakat dan mempertingkatkan program-program bagi Pusat Warisan India
- Mempermudah **akses kepada kemudahan-kemudahan sukan** melalui Pelan Induk Kemudahan-kemudahan Sukan





Membina Masyarakat "Kita Didahulukan" ("We First")

- Melanjutkan **potongan cukai 250%** bagi derma tempatan yang layak hingga **2029**
- Melanjutkan **Skim Sukarelawan Korporat** hingga **2029**
- Melancarkan **Dana Kerjasama SG berjumlah $50 juta** sebagai pemangkin inisiatif-inisiatif yang bermula daripada masyarakat

MOF
MINISTRY OF FINANCE
SINGAPORE

Baca lebih lanjut di lelaman
www.singaporebudget.gov.sg

go.gov.sg/2026budgetbooklet

Sehingga 12 Februari 2026

Penghargaan gambar: Majlis Belia Kebangsaan Singapura, Agensi Teknologi Pemerintah Singapura